



ISTANA BUDAYA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM KAWALAN PENCAHAYAAN PENTAS, PERALATAN SOKONGAN DAN PERKABELAN SERTA LAIN-LAIN KERJA DI BANGUNAN PANGGUNG, ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 12 MINGGU (PELAWAAN SEMULA)

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 18-2026

1. PELAWAAN

Sebut Harga ini diiklankan pada 17 Julai 2026, Jumaat dan dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor atau Putrajaya yang berdaftar dengan:

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Taraf Bumiputera (STB); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam GRED G2, G3 atau G4: KATEGORI ME: PENGKHUSUSAN:

- i. E06 (Sistem Pencahayaan Khas) dan
- ii. E11 (Kerja Am Elektrik).

2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada 22 Julai 2026 (Rabu) jam 9.30 pagi.

Kontraktor dikehendaki berkumpul di Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal, sijil SPKK asal dan Sijil *Tax Compliance Certificate* (TCC) berserta satu salinan setiap sijil. Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan. Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja.

3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

SILA BAWA COP RASMI SYARIKAT untuk urusan pendaftaran. Sijil Lawatan Tapak akan diberikan selepas tamat lawatan tapak dan Dokumen Sebut Harga akan diemelkan secara *softcopy* kepada e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja bermula dari tarikh 22 dan 23 Julai 2026. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.

4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada tarikh tutup Sebut Harga 30 Julai 2026 (Khamis).

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila e-mel ke azeem.irham@istanabudaya.gov.my

Tandatangan
Nama Penandatangan
Jawatan
Tarikh

: SYAFIRULAZAM BIN SAINAN
: PEGAWAI BAHAGIAN TEKNIKAL
: 17 JULAI 2026

